

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 December 2015

Hubungan dengan Dr. Mahathir

Um - 8/12/2015

Jadi kalau ada desakan berterusan daripada Dr. Mahathir antaranya meminta Datuk Seri berundur, tidak akan dilayan?

NAJIB: Soal undur tidak undur, ini ada hak mengikut Perlembagaan parti dan Perlembagaan negara. Saya sebagai seorang yang percaya kepada prinsip demokrasi berparlimen. Kita ada dua cara, satu melalui pilihan raya. Maknanya apa pun, apabila sampai pada masanya, rakyatlah yang memilih, 14 atau 15 juta rakyat Malaysia memilih siapa dan parti mana yang patut memerintah dan (satu lagi) waktu pemilihan dalam parti.

Jadi ada dua kaedah dan kaedah lain adalah kaedah yang tidak ikut prinsip Perlembagaan. Inilah yang penting kita mesti ikut prinsip Perlembagaan.

Kalau kita ikuti tulisan Dr. Mahathir, kita akan tahu beliau sering menukar dakwaan contohnya RM22 bilion menjadi angka lain dan mengakui semua tuduhan adalah dakwaan belaka, tetapi adakah Datuk Seri khuatir ada ahli UMNO terperangkap dalam permainan dakwaan itu.

NAJIB: Ya, mungkin ada sebab kita mesti faham bahawa apa yang disebut Tun Mahathir itu adalah pendapat dia, andaian dia, melainkan dia ada bukti. Kita ambil dakwaan yang pertama RM42 bilion yang dikatakan hilang dan lesap. Sehingga hari ini dia tidak boleh mengeluarkan bukti dan semalam dia mengakui dia tidak ada bukti. Kalau RM42 bilion dah lesap, masakan kita boleh jual Edra dengan nilai RM17 bilion, boleh jual tanah TRX dan boleh ada tawaran lumayan untuk membangunkan bandar Malaysia.

Jadi semua ini sebenarnya tidak ada asas bukti dan sebab itu kita tetap pertahankan apa yang kita lakukan. Sebab itu kita pulihkan IMDB kerana kita nak supaya imej negara kita dibetulkan sebab telah berlaku apa yang dikatakan kemusnahan reputasi dengan kenyataan-kenyataan seperti itu. Ini merosakkan imej negara kita, bukan sahaja IMDB.

Mengapa Dr. Mahathir amat marah dengan Datuk Seri. Adakah soal IMDB?

NAJIB: Tidak tahulah. Boleh tanya kepada Dr. Mahathir sendiri. Tetapi pada tanggapan saya bukan soal IMDB. Satu ketika dahulu dia pun selalu berjumpa saya, nampak ada banyak dia tidak bersetuju dengan keputusan saya atau ada perkara yang dia nak, saya tidak buat.

Jadi saya dapat simpulkan bahawa Dr. Mahathir, dia nak seorang Perdana Menteri yang cakap mudahnya, ikut cakap dialah. Kalau ikut cakap dia mungkin saya Perdana Menteri yang amat baik. Apatah lagi apabila dicadangkan diwujudkan Council Elders yang tidak pernah dalam sejarah negara kita dan mana-mana negara pun iaitu ada Council Elders yang mengatasi kuasa Kabinet dan Majlis Tertinggi dan tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan sama sekali.

Sebab itulah bukan saya tidak hormat dia sebagai seorang negarawan tetapi saya berpegang kepada prinsip bahawa saya adalah Perdana Menteri yang sah dipilih oleh rakyat. Saya juga Presiden yang dipilih oleh parti. Saya berhak untuk mentadbir negara dan parti mengikut pendapat saya yang sebaik mungkin untuk negara dan parti. Saya bukanlah seorang pemimpin yang tidak mendengar pandangan, tidak mendengar nasihat, tetapi pada

kesudahannya saya mesti membuat keputusan atas apa yang saya fikir yang terbaik untuk negara dan parti.

Sekian lama Dr. Mahathir tidak lagi mengkritik pembangkang, sekarang kritikan tertumpu kepada Datuk Seri?

NAJIB: Sebagai anggota parti sepatutnya kita menjaga kepentingan parti maknanya kita mempertahankan parti dan menyerang pembangkang. Tetapi apa yang dilakukan Dr. Mahathir sebaliknya. Macam mana pun kita perlu perelaskan kepada rakyat dan anggota parti kita setiap kali dibangkitkan sesuatu isu. Kita bagi penjelasan supaya rakyat tidak terkeliru.

Alhamdulillah dalam Parlimen baru-baru ini bajet negara telah diluluskan dan kita tengok ada parti pembangkang pun keluar beberapa kenyataan yang boleh dikatakan agak positif kepada kerajaan. Ada yang tidak sokong pembangkang dalam undian Dewan Parlimen atas kelulusan Bajet. Ini menunjukkan bahawa parti yang ada hari ini ada majoriti selesa dalam Parlimen. Sekarang ini kita mesti yakin dalam diri kita bahawa kalau kita dapat beri penjelasan kepada rakyat dan kalau dapat menjemihkan suasana dan membetulkan sentimen, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya dalam pilihan raya akan datang.

Apa pandangan mengenai tindakan Dr. Mahathir atau Muhyiddin yang dilihat sebagai untuk menyelamatkan parti dan menjaga kepentingan UMNO?

NAJIB: Itu pendapat mereka tetapi hakikatnya kedudukan kita boleh bertambah baik lagi dan saya lihat sehari dua ini pun ada tanda-tanda bahawa keyakinan terhadap kerajaan sudah menunjukkan ada tanda yang positif. Saya percaya kalau isu-isu ini dapat kita selesaikan dalam masa terdekat, kedudukan kita boleh bertambah positif lagi. Tetapi saya tidak anggap ini sebagai satu keadaan yang terlalu selesa bagi kita tetapi kita mesti mempunyai strategi untuk memulihkan keadaan dan mara ke hadapan. Inilah yang saya anggap sebagai tugas parti, tugas saya sebagai Presiden parti untuk pastikan bahawa apa yang kita rancang nanti dan strategi-strategi itu dapat kita laksanakan dengan berkesan.

Bagaimana hubungan Datuk Seri dengan Dr. Mahathir. Adakah boleh dipulihkan?

NAJIB: Dengan Dr. Mahathir tidak tahulah. Tengok pada keadaan tetapi dia mengeluarkan pendapat yang terlalu peribadi. Saya dapat menerima perbezaan dari segi dasar dan sebagainya tetapi jangan terlalu peribadi. Saya hendak seorang pemimpin itu menjaga kepentingan parti. Itu yang penting sekali jangan ikut sedap.

Adakah Datuk Seri jauh hati terhadap Dr. Mahathir kerana Datuk Seri pernah bersama beliau waktu susah senang dahulu.

NAJIB: Sebab Dr. Mahathir pernah kata, waktu kita dalam kerajaan kita mesti hormat sokongan daripada orang bukan dalam kerajaan. Apabila kita luar kerajaan, kita mesti sokong orang dalam kerajaan itu dia ucap banyak kali. Tetapi kita lihat Dr. Mahathir dalam banyak hal tidak amalkan apa dia cakap sewaktu dia dalam kerajaan.